Satu lagi peruntukan mengenai faedah terdapat di bawah s. 11 Akta Sivil 1956 yang berbunyi:

> In any proceedings tried in any Court for the recovery of any debt or damages, the Court may, if it thinks fit, order that there shall be included in the sum for which judgment is given interest at such rate as it thinks fit on the whole or any part of the debt or damages for the whole or any part of the period between the date when the cause of action arose and the date of judgment.

Adalah jelas bahawa Aturan 42 Kaedah 12 memperuntukkan bahawa faedah hanya boleh dikira dari tarikh penghakiman kepada tarikh penyelesaian penuh dan dibawah s. 11 Akta Sivil faedah dikira dari tarikh keingkaran hingga tarikh penghakiman.

Di dalam hujahan Peguam plaintif di hadapan Penolong Kanan Pendaftar dan di hadapan saya, beliau teleh memohon faedah dari tarikh keingkaran hingga tarikh penyelesaian penuh. Sungguhpun Mahkamah ada budibicara untuk membenarkan sesuatu pindaan, tetapi budibicara tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut undang-undang. Dalam perkara ini saya berpendapat bahawa tidak ada peruntukan dibawah undang-undang sebagai yang dipohon oleh plaintif, oleh yang demikian permohonannya telah ditolak dengan kos dalam kausa.

Akhir sekali berpandukan prinsip-prinsip yang dirumuskan di dalam kes *Yamaha Motor* saya telah menolak rayuan plaintif terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar pada 27 Mei 1992 yang terdapat di dalam kandungan (40). Walaubagaimanapun, saya telah memberi kos kepada plaintif dibayar oleh defendan pertama.

Seterusnya plaintif telah membuat penghujahan lanjut di dalam Mahkamah terbuka tetapi setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak saya berpendapat tiada merit di dalam penghujahan plaintif. Oleh yang demikian saya telah menolak penghujahan lanjut plaintif.

BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BHD.

lwn.

STAGHORN SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO. D1-28-7-1990]
1 JUN 1993

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: Permohonan untuk menggantung prosiding berkaitan dengan penggulungan syarikat - Seksyen 243(1) Akta Syarikat 1965 - Sama ada pemohon telah membuktikan bahawa penggulungan patut digantung.

Pempetisyen telah memberikan kemudahan overdraf kepada respondan dan atas kegagalan respondan membayar balik, telah mendapatkan penghakiman ingkar terhadap respondan. Atas kegagalan respondan menjelaskan jumlah penghakiman, pempetisyen telah memasukan petisyen untuk menggulung respondan dan respondan telah diperintahkan supaya digulungkan.

Pemohon, sebagai seorang penyumbang responden, telah memfailkan permohonan di bawah s. 243(1) Akta Syarikat 1965 untuk menggantung segala prosiding berkaitan dengan penggulungan respondan atas alasan bahawa dia bercadang memohon untuk mengenepikan penghakiman yang mengasaskan perintah penggulungan itu kerana penghakiman tersebut adalah tidak regular.

Diputuskan:

[1] Di bawah s. 243(1) Akta Syarikat 1965, untuk membolehkan Mahkamah membenarkan penggantungan semua prosiding berkaitan dengan penggulungan respondan, ia mestilah dibuktikan bahawa prosiding itu patut digantung.

[2] Pemohon memohon penggantungan supaya dia dapat mengenepikan penghakiman yang mengasaskan perintah penggulungan. Tetapi berdasarkan atas sebab-sebab yang diberikan oleh pemohon untuk menunjukkan yang penghakiman itu adalah tidak regular, tidak ada kemungkinan yang dia akan berjaya mengenepikan penghakiman itu.

[3] Pemohon telah gagal menunjukkan bahawa prosiding dalam penggulungan respondan patut digantung.

[Permohonan pemohon ditolak dengan kos].

Kes-kes yang dirujuk:

Harkness lwn. Bell's Asbestos and Engineering, Ltd. [1966] 3 All ER 843 ***(diikuti)***

Malaysia Building Society Bhd. lwn. Lesco Development Corpn. Sdn. Bhd. & Ors. [1988] 3 MLJ 273 ***(dirujuk)***

Malayan United Bank Bhd. lwn. Mohammed Salleh bin Mohammed Yusoff & Ors. [1988] 3 MLJ 165 [1988] 2 CLJ 460 ***(dirujuk)***

Re Warbler Pty. Ltd., ACLR Vol. 6 [1981 - 1982] ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Syarikat 1965, ss. 226(3), 243(1)

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 2 k. 1(1)(2), A. 42. k. 12, A. 83 k. 4(1)

Bagi pihak pempetisyen - Abdul Razak; M/s. Razak Ibrahim & Co.

Bagi pihak pemohon - Pathmanathan; M/s. Yusuf Lee, Pathma & Marbeck

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:

Pada 4 Februari 1980, bank pempetisyen, Bank Bumiputra Malaysia Bhd. ("BBMB"), menulis surat kepada syarikat responden, Staghorn Sdn. Bhd. ("Staghorn"), untuk memberitahu bahawa permohonannya untuk overdraf setakat RM150,000 telah diluluskan. Salah satu syarat overdraf itu ialah bahawa faedahnya ialah 10% setahun dengan **monthly rests**. Nombor akaun untuk overdraf itu yang disebut dalam surat itu ialah 15-783. Tawaran itu telah diterima, dan pemohon, seorang pengarah dan pemegang saham Staghorn, dan Encik Annuar bin Datuk Haji Mohd. Eusoff, yang sekarang telah meninggal dunia, menjadi penjamin-penjamin Staghorn.

Menurut BBMB, pada 13 Mac 1981 ia telah memberi satu lagi kemudahan, iaitu overdraf sementara sebanyak RM302,411, atas permintaan mendesak dan segera oleh Staghorn, dengan cara menunaikan satu ceknya, tetapi tidak ada dokumen formal disediakan untuk overdraf itu oleh kerana Staghorn adalah pelanggan yang disanjungi. BBMB mengeksibitkan satu salinan butir-butir lejar mengenai overdraf itu. Nombor akaun dalam salinan itu ialah 0011578355. Nama dan alamat di kepala salinan itu adalah seperti berikut:

TETUAN STAGHORN SDN. BERHAD
PARK AVENUE HOMES SDN. BHD.
908, 9TH FLOOR, E.N.E . PLAZA
NO. 128, JALAN PUDU
KUALA LUMPUR.

Bagi menjawab dakwaan pemohon bahawa butir-butir itu tidak berkaitan dengan Staghorn sahaja, tetapi adalah berkaitan dengan dua syarikat, BBMB menjelaskan bahawa Park Avenue Homes Sdn. Bhd. bukanlah nama pemegang akaun itu, tetapi adalah alamat Staghorn. Park Avenue Homes Sdn. Bhd., yang BBMB mempercayai adalah syarikat adik-beradik Staghorn, beroperasi di premis yang sama dengan Staghorn. BBMB menjelaskan bahawa kata-kata "**care of**" sepatutnya terdapat pada nama Park Avenue Homes Sdn. Bhd., tetapi telah tertinggal. Saya telah menerima penjelasan itu sebagai benar.

Di antara 10 November 1981 hingga 10 Jun 1982, BBMB menulis lima pucuk surat kepada Staghorn untuk menuntut bayaran balik overdraf itu, yang mana tiga surat yang terakhir memberi amaran akan mengambil tindakan undang-undang. Dari angka bagi amaun terhutang yang dinyatakan dalam surat-surat itu pada tarikh-tarikhnya yang berlainan, adalah pasti bahawa amaun itu termasuk overdraf tambahan itu. Pada 13 Jun 1982, pemohon menandatangani surat Staghorn memohon tempoh tiga bulan. Surat itu tidak mempertikaikan amaun yang dituntut. Pada 13 Julai 1982, pemohon menandatangani satu lagi surat yang sama maksudnya. Amaun yang dituntut juga tidak dipertikaikan. Pada 23 September 1982, Peguam BBMB menulis surat kepada Staghorn memberi notis tindakan undang-undang. Surat itu menjelaskan tentang keingkaran mengenai overdraf RM150,000 itu dan berkata, tanpa menyebut tentang pemberian overdraf tambahan itu, bahawa amaun yang terhutang pada 30 Ogos 1982 adalah sebanyak RM547,031.44. Jika Staghorn mempertikaikan amaun yang dituntut itu, ia pasti akan mempersoalkan mengapa amaunnya meningkat begitu tinggi dari overdraf RM150,000, tetapi, dalam jawapannya bertarikh 1 ,Oktober 1982, Pengawal Kewangan Kumpulan Staghorn hanya menyatakan bahawa Staghorn sedang berusaha ke arah menyelesaikan tuntutan itu.

Pada 20 Oktober 1982, Staghorn menulis surat kepada BBMB memintanya supaya memberi pertimbangan kepada menggunakan gadaian legal kedua (**second legal charge**) atas satu hartanah di Semenyeh. Nampaknya

dari surat itu bahawa gadaian legal pertama (**first legal charge**) adalah untuk kemudahan overdraf kepada Teck Lay Realty Sdn. Bhd. BBMB menjawab pada 16 Disember 1982 ia bersetuju dengan cadangan menggunakan gadaian legal kedua itu, tetapi ia meminta Staghorn membayar RM10,000 sebulan bermula pada 1 Disember 1982 dan membayar ansuran pertama dalam masa empat belas hari. Pada 17 Februari 1983, Staghorn memohon kepada BBMB agar bayaran ansuran dapat bermula pada bulan Mac 1983. Pada 22 Oktober 1983, Encik Annuar, selaku pengerusi Staghorn, menulis surat kepada BBMB meminta supaya ditangguhkan tindakan undang-undang selama dua bulan untuk membolehkan penjualan tanah-tanah tertentu diselesaikan untuk membayar hutang BBMB. Surat itu juga tidak mempertikaikan amaun yang dituntut.

Ternyatalah daripada kesemua surat-menyurat dengan BBMB itu bahawa Staghorn tidak pernah membangkitkan soal betulnya amaun yang dituntut. Staghorn hanya meminta masa untuk membayar, yang bererti bahawa ia menerima amaun yang dituntut dari semasa ke semasa itu sebagai betul dan kena dibayar.

Pada 23 Mei 1983, BBMB telah mengeluarkan writ terhadap Staghorn, Encik Annuar dan pemohon. Dalam pernyataan tuntutan BBMB, yang bertarikh 12 April 1983, akaun yang berkaitan dengan kemudahan overdraf yang menjadi perkara tuntutannya dikenalpasti dengan nombor 001-15783-55. Pernyataan tuntutan itu mendakwa bahawa, setakat 28 Februari 1983, Staghorn terhutang kepada BBMB sebanyak RM578,114.66 atas overdraf itu, termasuk faedah setakat tarikh itu. Ia menuntut amaun itu terhadap Staghorn dengan faedah 10% setahun dengan **monthly rests** dari 1 Mac 1983 hingga penjelasan sepenuhmya. Ia juga menuntut dari Encik Annuar dan pemohon, sebagai penjamin-penjamin Staghorn, sebanyak RM150,000 dengan faedah yang serupa dari 4 Februari 1980 tarikh surat kelulusan BBMB yang tersebut tadi, hingga penjelasan sepenuhnya. Adalah jelas bahawa kadar faedah yang dituntut itu ialah kadar yang ditetapkan dalam surat kelulusan itu.

Bagi menjawab dakwaan pemohon bahawa writ itu merujuk kepada akaun yang berlainan daripada akaun overdraf Staghorn, kerana nombor akaun yang diberi adalah berlainan, BBMB menjelaskan bahawa nombor baru itu, iaitu 001578355 atau 001-15783-55, ialah nombor yang diubah dari nombor asal, iaitu 15-783, akibat pengkomputeran sistem banking. BBMB menegaskan bahawa kedua-dua nombor itu merujuk kepada akaun yang sama. Saya telah menerima penjelasan itu sebagai benar. Sayugia diperhatikan bahawa nombor baru itu mengandungi nombor lama.

Pada 27 April 1984, penghakiman ingkar pembelaan telah dibuat terhadap Staghorn untuk amaun sebanyak RM578,114.66 dengan faedah pada kadar 10% setahun dengan **monthly rests** dari 1 Mac 1983 hingga tarikh penjelasan. Tentang faedah, penghakiman itu tidak mematuhi Aturan 42, kaedah 12, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang berkuatkuasa pada masa itu, yang menetapkan bahawa kadar faedah dari tarikh penghakiman - 27 April 1984 dalam kes ini - mestilah 8% setahun.

Sayugia diperhatikan bahawa penghakiman itu adalah sebagaimana dipohon. Kesilapan tentang faedah dalam penghakiman itu berpunca daripada permintaan atau **prayer** dalam pernyataan tuntutan itu sendiri. Staghorn tidak membangkitkan kesilapan itu. Ia tidakpun memasukkan pembelaan. Oleh kerana tidak ada pembelaan, bolehlah difahami bahawa penghakiman telah dimasukkan sebagaimana dipohon dan kesilapan tentang faedah itu tidak mendapat perhatian. Ia adalah kesilapan yang akan diperbetulkan sekiranya Penolong Kanan Pendaftar yang menandatangani penghakiman itu menyedarinya.

Penghakiman ingkar pembelaan telah dimasukkan juga terhadap pemohon, dan pada 31 Mei 1989 dia telah dijadikan bankrap.

Pada 10 Januari 1990, petisyen bertarikh 20 Disember 1989 untuk menggulung Staghorn kerana tidak menjelaskan penghakiman itu telah dimasukkan.

Pada 13 Jun 1991, Staghorn telah diperintah supaya digulung. Sejak mulanya lagi, Staghorn tidak tampil ke hadapan untuk menentang apa-apa prosiding terhadapnya.

Pada 25 Februari 1992, perintah kebangkrapan terhadap pemohon telah dibatalkan.

Pada 13 Mei 1992, pemohon, sebagai seorang penyumbang (**contributory**) Staghorn, telah memfailkan permohonan di bawah s. 243(1) Akta Syarikat 1965, untuk menggantung segala prosiding berkaitan dengan penggulungan Staghorn. Itulah permohonan yang menjadi perkara penghakiman saya.

Pemohon berkata dia mahukan prosiding penggulungan digantung kerana dia bercadang memohon untuk mengenepikan penghakiman yang mengasaskan perintah penggulungan itu kerana katanya penghakiman itu adalah tidak regular. Saya akan memperkatakan kemudian tentang sebab-sebab pemohon mendakwa penghakiman itu tidak regular.

Dia berkata dia tidak sedar tentang penghakiman itu sehinggalah suatu masa dalam bulan Disember l991 apabila dia diminta, sebagai pengarah, supaya memfailkan pernyataan hal ehwal Staghorn. Oleh kerana dia seorang bankrap pada masa itu, dia tidak dapat memohon untuk mengenepikan penghakiman itu sehinggalah kebankrapannya dibatalkan pada 25 Februari 1992. Dia berkata dia telah berkali-kali meminta Pegawai Penerima mengambil tindakan mengenepikan penghakiman itu, tetapi Pegawai Penerima tidak mengambil apa-apa tindakan. Oleh kerana soal kelewatan pemohon membuat permohonan ini tidak masuk dalam pertimbangan saya dalam membuat keputusan saya, saya tidak akan membentang fakta-fakta yang relevan bagi soal itu.

Pemohon berkata Staghorn adalah sebuah perbadanan perniagaan yang **viable** dan dia bercadang menghidupkan kembali operasinya dengan kerjasama estet Encik Annuar yang telah meninggal dunia itu. Dia berkata aset-aset Staghorn adalah melebihi amaun penghakiman itu, yang merupakan liabiliti tunggal Staghorn, kerana Staghorn adalah tuanpunya benefisial 114 ekar tanah di Semenyeh. Dia mengeksibitkan satu perjanjian yang dibuat pada 27 Februari 1981 di antara penjual-penjual tanah itu dan Staghorn yang menunjukkan bahawa tanah itu, yang dikatakan seluas 116,312 ekar, telah digadai kepada suatu bank untuk pinjaman sebanyak RM100,000 dan faedah. Harga jualannya ialah RM3,024,110, dari mana 10% kena dibayar apabila perjanjian ditandatangani, dan dari bayaran itu penjual-penjual akan menjelaskan pinjaman bank itu. Baki 90% itu hendaklah dibayar dalam masa tiga bulan dari tarikh perjanjian itu, iaitu, sebelum 27 Mei 1981, dan apabila bayaran dibuat, penjual-penjual hendaklah melaksanakan pindahmilik. Jika Staghorn gagal membayar baki itu sebagaimana ditetapkan, perjanjian itu akan menjadi batal dan tidak sah.

Sebagai bukti Staghorn mempunyai aset-aset, perjanjian itu membangkitkan beberapa tandatanya, terutama sekali mengapakah, selepas begitu lama, Staghorn masih belum menjadi tuanpunya legal tanah itu.

Apa yang telah berlaku dapat dilihat dari dua pucuk surat kepada Pegawai Penerima dari Peguam pemohon bertarikh 14 Disember 1991 dan dari pemohon sendiri bertarikh 27 Mac 1992. Surat-surat itu ialah eksibit SKK 7 dan SKK 10 kepada afidavit pemohon yang menyokong permohonannya. Nampaknya Staghorn telah melantik Teck Lay Realty Sdn. Bhd. untuk menerima pindahmilik tanah itu. Pada masa itu tanah itu digunakan sebagai jaminan bagi pinjaman yang diberi oleh Hong Leong Finance Berhad kepada Park Avenue Homes Sdn. Bhd. Pemohon adalah juga pengarah dan pemegang saham Teck Lay dan Park Avenue. Park Avenue gagal menjelaskan pinjaman itu dan penghakiman ingkar telah dimasukkan terhadapnya. Hong Leong telah memperolehi perintah jualan dan tanah itu telah dijual secara lelong pada 16 November 1991. Pemohon telah memohon untuk mengenepikan jualan itu dan permohonan itu, pada 27 Mac 1992, masih belum diputuskan. Tidak ada bukti tentang kedudukan masakini tanah itu, sama ada jualan lelong itu telah diketepikan dan sama ada tanah itu telah dipindahmilik kepada Staghorn.

Setelah menghuraikan fakta-fakta itu, sebagaimana terdapat dari afidavit-afidavit yang berkaitan dengan permohonan ini, adalah mudah sekarang melupuskan sebab-sebab mengapa pemohon katakan penghakiman ingkar pembelaan itu tidak regular.

Pertama, penghakiman itu berasaskan amaun yang tidak betul. Sebagaimana dapat dilihat dari fakta-fakta yang telah dibentang itu, tidak terdapat apa-apa asas langsung untuk mempertikaikan amaun yang dituntut itu dan Staghorn sendiri tidak pernah

mempertikaikannya, malah pada setiap masa telah bersikap seolah-olah ia mengakui amaun itu adalah betul.

Kedua, penghakiman itu berasaskan akaun yang tidak betul, kerana perbezaan tentang nombor akaun sebagaimana telah dihuraikan tadi. Sebagaimana saya telah katakan, saya mendapati nombor-nombor itu merujuk kepada akaun yang sama. Ketiga, laibiliti Staghorn terhad kepada overdraf sebanyak RM150,000 sahaja. Ini adalah berkaitan dengan sebab pertama tadi. Sebagaimana saya katakan tadi, saya tidak nampak apa-apa alasan bagi mempertikaikan amaun yang dituntut itu.

Keempat, penghakiman itu tidak mematuhi Aturan 42, kaedah 12, tentang faedah, sebagaimana saya telah jelaskan tadi. Saya akan melupuskan perkara ini selepas sebab kelima.

Kelima, kebenaran Mahkamah patut diperolehi sebelum memasukkan penghakiman ingkar itu, oleh kerana overdraf itu dijamin oleh gadaian pihak ketiga (**third party charge**). Untuk menyokong sebab ini, pemohon mengeksibitkan satu salinan carian yang dikatakan menunjukkan wujudnya gadaian tersebut. Saya mendapati sebab ini tidak ada merit. Pertama, kerana adalah tidak benar overdraf itu dijamin oleh gadaian pihak ketiga oleh kerana salinan carian itu adalah berkaitan dengan Amco Bricks Industries Sdn. Bhd. dan tidak ada kaitan dengan Staghorn. Kedua, kerana, menurut surat eksibit SKK 10 yang tersebut tadi, sebab ini berasaskan pada Aturan 83, kaedah 4(1), tetapi peruntukan itu adalah tentang tindakan gadaian (**charge action**), sedangkan tuntutan BBMB terhadap Staghorn bukan tindakan gadaian.

Tentang faedah, walaupun telah berlaku kegagalan mematuhi Aturan 42, kaedah 12, tetapi, menurut Aturan 2, kaedah 1(1), kegagalan itu hendaklah dianggap sebagai suatu **irregularity** and tidak boleh membatalkan (**nullify**) penghakiman ingkar pembelaan itu, dan, menurut kaedah 1(2) pula, Mahkamah boleh membenarkan penghakiman itu dipinda. Dalam kes *Harkness lwn. Bell's Asbestos and Engineering*, Ltd. [1966] 3 All ER 843, Lord Denning MR, bercakap tentang Aturan 2, kaedah 1 yang bersamaan dalam Kaedah-Kaedah Supreme Court England berkata:

> This new rule does away with the old distinction between nullities and irregularities. Every omission or mistake in practice or procedure is henceforward to be regarded as an irregularity which the court can and should rectify so long as it can do so without injustice.

Dalam kes *Malaysia Building Society Bhd lwn. Lesco Development Corpn. Sdn. Bhd. & Ors.* [1988] 3 MLJ 273, Siti Norma Yaakob H. menolak rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar membenarkan permohonan untuk meminda penghakiman yang memberi faedah 13.5% setahun atas amaun penghakiman. Beliau berpendapat bahawa, berdasarkan kaedah 1 tersebut, penghakiman itu patut diubah tentang kadar faedah untuk membetulkan penghakiman yang selainnya adalah regular dan bahawa defendan tidak akan terjejas (**prejudiced**) oleh pindaan itu.

BBMB, pada 11 September 1992, telah memfailkan permohonan di bawah s. 226(3) Akta Syarikat 1965 untuk mendapat kebebasan memohon untuk meminda penghakiman dalam kes ini. Permohonan itu belum didengar.

Kes *Malayan United Bank Bhd. lwn. Mohammed Salleh bin Mohammed Yusoff & Ors.* [1988] 3 MLJ 165, yang menjadi sandaran pemohon, di mana Zakaria Yatim H. telah enggan mengubah kadar faedah 17.5% dan telah mengenepikan penghakiman ingkar kehadiran kerana faedah yang luar aturan itu, telah diputuskan tanpa menimbang Aturan 2, kaedah 1 itu.

Saya tidak menjangka pemohon berkemungkinan akan berjaya mengenepikan penghakiman terhadapnya itu atas sebab-sebab yang diberikan olehnya dalam permohonan ini. Tentang sebab mengenai faedah, mengapakah seharusnya penghakiman itu diketepikan semata-mata kerana kadar faedah dari tarikh penghakiman adalah bercanggah dengan peraturan? Mengenepikan penghakiman itu atas sebab itu adalah tidak adil kepada pempetisyen, sedangkan penghakiman itu dengan mudah sahaja dapat dipinda dan pindaan itu tidak akan menyebabkan ketidakadilan kepada Staghorn, kecuali hanya setakat mengecewakan

hasrat pemohon untuk menyelamatkan Staghorn daripada penguatkuasaan penghakiman itu dan daripada penggulungan, yang berakibat daripada kegagalan Staghorn membayar hutang yang pasti.

Di bawah s. 243(1) Akta Syarikat 1965, untuk membolehkan saya membenarkan penggantungan semua prosiding berkaitan dengan penggulungan Staghorn, mestilah dibuktikan sehingga memuaskan hati saya bahawa prosiding itu "**ought to be stayed**". Terdapat berbagai autoriti dari mana dapat dirumuskan kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip tentang jenis hal-hal keadaan yang merupakan bukti sedemikian. Dalam kes ini boleh dikatakan tidak ada apa-apa penghujahan tentang kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip itu, selain daripada Peguam BBMB merujuk kepada kes *Re Warbler Pty. Ltd*., ACLR Vol. 6 [1981 - 1982] 526, untuk berkata bahawa permohonan pemohon tidak memenuhi prinsip-prinsip kes itu. Untuk melupuskan permohonan pemohon, saya mendapati saya tidak perlu menimbang sama ada, sebagai soal undang-undang, penggantungan prosiding penggulungan boleh dibenarkan di bawah seksyen itu atas alasan bahawa pemohon bercadang mengenepikan penghakiman yang menjadi asas bagi perintah penggulungan, dan sama ada, jika boleh, penggantungan wajar dibenarkan atas alasan itu tanpa Mahkamah perlu mengambil kira prinsip-prinsip lain. Saya telah membuat keputusan saya atas asas bahawa, oleh kerana sebabnya pemohon mahukan penggantungan ialah supaya dia dapat mengenepikan penghakiman itu, dan oleh kerana saya tidak nampak kemungkinan dia akan berjaya mengenepikan penghakiman itu atas sebab-sebab yang diberikan, maka pemohon gagal membuktikan sehingga memuaskan hati saya bahawa prosiding dalam penggulungan Staghorn patut digantung. Atas sebab-sebab itulah maka, pada 16 September 1992, saya telah menolak permohonan pemohon dengan kos.

NOORDHEEN A/L E.H. KADERSHAN

lwn.

RAM L. BELANI & 2 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, PULAU PINANG
DATO' ABDUL HAMID BIN HJ. MOHAMED H.
[USUL PEMULA NO. 25-26-92]
3 MEI 1993

KAWALAN SEWA: Prosiding dihadapan Jemaah Pengadilan Sewa - Prosiding dijalankan oleh Timbalan Pengerusi - Sama ada perlantikan Timbalan Pengerusi adalah sah - Permohonan certiorari untuk membatalkan keputusan Jemaah Pengadilan Sewa - Sama ada terdapat kemungkinan yang responden pertama tak adil (bias).

Pemohon membuat permohonan untuk membatalkan keputusan Jemaah Pengadilan Sewa Pulau Pinang bahawa responden pertama tidak perlu mengundurkan dirinya daripada menjalankan tugas sebagai Pengerusi untuk Jemaah Pengadilan Sewa dalam permohonan No. 33/1990. Pemohon juga memohon satu perintah larangan melarang Jemaah Pengadilan Sewa Pulau Pinang dan Seberang Perai daripada meneruskan prosiding permohonan No. 33/1990.

Responden pertama telah dilantik menjadi Timbalan Pengerusi/Setiausaha Jemaah itu bagi tempoh satu tahun. Pada masa permohonan No. 33/1990 itu didengar, tidak ada Pengerusi yang dilantik dan responden pertama menjalankan tugas Pengerusi Jemaah.

Pemohon juga berhujah bahawa oleh kerana responden pertama adalah seorang kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), yang telah meluluskan pelan projek pembangunan yang menjadi pertikaian itu, maka terdapat kemungkinan bahawa responden pertama mungkin tak adil (bias).

Diputuskan:

[1] Seksyen 12 Akta Kawalan Sewa 1966 dengan jelas memperuntukkan keahlian Lembaga yang terdiri daripada Pengerusi dan ahli-ahli. Di bawah peruntukan Akta tersebut tidak ada ruang untuk perlantikan Timbalan Pengerusi. Timbalan Pengerusi, sebagai Timbalan Pengerusi, jika dilantik pun, tidak